PENANG LAWAN COVID-19

Amalkan 4P
Penjarakan fizikal
Pakai pelitup muka
Pencucian tangan dengan sabun
Perhatikan gejala COVID-19

OGOS 16 - 31, 2020

PENANG 2030

PERCUMA

BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# TERTINGGI DALAM NEGARA

# RM6.8 bilion

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang sekali lagi berada di kedudukan teratas daripada segi jumlah pelaburan langsung asing (FDI) dalam sektor pembuatan iaitu RM6.8 bilion bagi suku pertama tahun ini (Q1 2020).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa FDI yang diluluskan itu menyumbang 96 peratus daripada aliran masuk pelaburan untuk sektor pembuatan di Pulau Pinang bagi Q1 2020.

Beliau berkata, selebihnya RM321.1 juta atau empat peratus yang telah diluluskan adalah untuk pelaburan langsung domestik (DDI).

"Saya gembira mendapati bahawa Pulau Pinang menjadi penyumbang terbesar FDI di negara ini iaitu kira-kira 64 peratus.

"Kerajaan Negeri berterima kasih atas keyakinan yang kuat ditunjukkan oleh syarikat-syarikat multinasional," katanya pada sidang media pengumuman berkaitan di sini pada 22 Julai lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; barisan Exco Kerajaan Negeri; Pengarah investPenang merangkap Penasihat Khas Pelaburan kepada Ketua Menteri, Dato' Seri Lee Kah Choon serta Ketua Pegawai Eksekutif investPenang, Dato' Loo Lee Lian.

Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi menjelaskan bahawa FDI utama adalah dari Switzerland, Amerika Syarikat serta Singapura, dan pelaburan terkemuka adalah termasuk Dexcom, Inc. dan LEM Holding SA.

Mengulas lanjut, beliau turut memaklumkan bahawa Pulau Pinang mencatatkan jumlah keseluruhan pelaburan bagi sektor pembuatan (FDI dan DDI) sebanyak RM7.1 bilion meskipun berdepan persekitaran makroekonomi yang mencabar.

"Jumlah itu bersamaan dengan 42 peratus dalam pelaburan pembuatan sepanjang tahun 2019 dicatatkan di Pulau Pinang yang disokong oleh pelaburan baharu dan pelaburan semula.

"Berdasarkan laporan prestasi terkini Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Pulau Pinang berjaya mengumpulkan sebanyak 32 projek pembuatan pada suku pertama 2020, ia dianggar akan mewujudkan 4,035 pekerjaan di negeri ini.

"Jentera, peralatan saintifik dan pengukur (yang merangkumi alat perubatan), serta industri elektronik dan elektrik secara kolektif merangkumi sekitar 95 peratus daripada jumlah pelaburan pembuatan yang diluluskan bagi tempoh Januari hingga Mac 2020," ujarnya.

Tambah Kon Yeow, walaupun prestasi memuaskan dicatatkan pada suku pertama, namun Kerajaan Negeri menjangkakan aliran masuk pelaburan untuk 2020 akan berkurangan daripada paras tertinggi dicatatkan sepanjang tahun 2019 sebanyak RM16.9 bilion.

"Kerajaan Negeri menyedari bahawa FDI global diunjur merosot sekurang-kurangnya hingga 2021 dan bahawa cabaran kesihatan awam akan berlanjutan.

"Walau bagaimanapun, masih ada peluang untuk Pulau Pinang, terutama daripada penyusunan semula rantaian bekalan global serta industri baharu yang akan terus memainkan peranan penting dalam era pasca-COVID-19.

"Justeru, Kerajaan Negeri akan berhati-hati dalam usaha kami untuk menarik kemasukan pelaburan berkualiti tinggi, berteknologi tinggi terutama dalam industri yang kami promosikan," ulasnya.

Dalam pada itu, Kah Choon berkata bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sangat menyokong kemasukan pelabur ke negeri ini.

"Sebanyak RM7.1 bilion pelaburan sektor pembuatan yang diluluskan untuk Q1 2020 adalah hasil usaha sejak 2019 iaitu lebihan aliran dari 2019 hingga 2020," jelasnya.




**PULAU Pinang sekali lagi berada di kedudukan teratas daripada segi jumlah FDI dalam sektor pembuatan bagi Q1 2020.**

# Digital Penang percepat pendigitalan negeri

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow baru-baru ini mengumumkan Tony Yeoh sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Digital Penang Sdn. Bhd..

Serentak itu, beliau turut memperkenalkan logo baharu bagi agensi negeri berkenaan.

"Sebagai seorang yang berpengalaman dan mempunyai kepakaran unik dalam bidang teknologi dan perniagaan, Kerajaan Negeri percaya Tony mampu menggalas tanggungjawab dan memimpin Digital Penang Sdn. Bhd. (Digital Penang) dengan cemerlang.

"Seperti mana yang semua sedia maklum, Digital Penang mempunyai empat Asas Tumpuan *(Pillars of Focus)* yang merangkumi Infrastruktur, Ekonomi, Pemerintahan dan Komuniti.




**KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan Tony Yeoh (tiga dari kiri) merakam gambar kenangan sambil memperkenalkan logo Digital Penang pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

"Semasa berlakunya COVID-19, Digital Penang telah memulakan projek perintis dengan mengadakan sesi meja bulat maya *(virtual roundtable)* *'PLC19 eCrowdsource: Hacking the New Normal'* bagi mengumpulkan penggiat teknologi untuk mencari penyelesaian dalam menempuh cabaran-cabaran yang akan datang.

"Salah satu hasilnya adalah aplikasi *'Penang Contact Tracer'* (PGCare) iaitu sistem pendaftaran bagi pengesanan kontak bagi memudahkan cara pematuhan prosedur operasi standard (SOP) oleh premis perniagaan di negeri ini," jelasnya pada sidang media di sini 16 Julai 2020.

Hadir sama, Ahli-ahli Lembaga Pengarah agensi berkenaan antaranya, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari dan Pengarah Eksekutif Penang Institute, Dato' Dr. Ooi Kee Beng.

Kon Yeow dalam pada itu menyatakan bahawa pandemik COVID-19 telah mengubah landskap serta corak kehidupan manusia.

Menyedari realiti itu, menurut beliau, penubuhan Digital Penang diharap memangkin proses peralihan gaya hidup manusia, mempercepat inisiatif digital serta menggalakkan kolaborasi antara pemain-pemain dalam pelbagai sektor ekonomi digital ke arah menggalakkan pertumbuhan masyarakat secara lebih pantas.

# Kibarkan Jalur Gemilang, hayati erti kemerdekaan

**BUKIT TAMBUN** – Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2020 dilancarkan secara gilang-gemilang serta penuh warna-warni pada 28 Julai lalu.

Majlis pelancaran disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dekat Kompleks Plaza Tol Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Jambatan Kedua) di sini.

Dalam ucapannya, Kon Yeow berkata bahawa penganjuran majlis itu mencatatkan sejarah tersendiri kerana disambut secara hibrid iaitu gabungan dua elemen fizikal serta digital yang diadakan secara serentak oleh semua negeri bersama-sama Kerajaan Persekutuan.

Tambah beliau, walaupun terikat dengan prosedur operasi standard (SOP) dan normal baharu untuk memerangi pandemik COVID-19, namun semangat patriotisme dalam kalangan rakyat adalah tidak pernah luntur.

"Kita gembira pada tahun ini kerana masih berkesempatan meraikan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang meskipun terhad dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan.

"Selari dengan tema 'Malaysia Prihatin', sambutan pada tahun ini semestinya mempunyai intipati serta matlamat tersendiri yang menuntut semua pihak untuk berganding bahu melawan COVID-19 daripada terus berleluasa.

"Keprihatinan semua pihak dalam menjaga antara satu sama lain memberi pengertian yang cukup besar sekaligus menyuntik semangat kita semua untuk terus maju selaras dengan aspirasi serta pengertian semangat kemerdekaan itu sendiri," ujarnya dalam ucapan sebelum



**NYANYIAN patriotik didendangkan bersempena Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2020 di sini baru-baru ini.**

melancarkan program berkenaan.

Turut serta, Yang Di-pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato'Abdul Razak Jaafar; Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli-ahli Parlimen serta ramai lagi.

Menurut Kon Yeow, sambutan Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang merupakan salah satu usaha kerajaan dalam meningkatkan penghayatan nilai-nilai serta semangat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang dihormati, aman dan cemerlang.

"Hidup dalam kalangan masyarakat berbilang kaum menuntut dan mengajar kita semua untuk sentiasa bertolak ansur serta hormat-menghormati antara satu sama lain agar perpaduan terus kekal terjalin.

"Kepelbagaian budaya dan adat resam yang ada menjadikan Malaysia sangat istimewa serta unik dan merupakan tonggak kekuatan serta kesejahteraan negara selama ini," katanya.

Difahamkan, sambutan Bulan Kebangsaan dan kempen Kibar Jalur Gemilang peringkat negeri pada tahun ini dianjurkan bersama antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Penerangan Malaysia negeri.

Bertemakan 'Malaysia Prihatin', sambutan pada tahun ini turut dimeriahkan dengan pelbagai program seperti Merdeka@Komuniti, pertandingan pidato kenegaraan, sayembara puisi merdeka, pertandingan pengisahan kenegaraan dan pertandingan fotografi KLIK@Merdeka yang berlangsung mulai 16 Julai hingga 30 Ogos ini.

Pada sidang media selepas itu, Kon Yeow menyeru semua pihak supaya mengibarkan Jalur Gemilang sama ada pada kenderaan atau premis masing-masing untuk menyemarakkan lagi semangat kenegaraan terutamanya dalam melawan COVID-19.

"Ini satu kesempatan yang baik untuk kita gemblengkan segala tenaga sempena bulan kemerdekaan dan serentak itu untuk melawan COVID-19 kerana perpaduan serta semangat patriotisme adalah amat penting dalam menggalakkan orang ramai mematuhi SOP ditetapkan," serunya.

Dalam pada itu, Pengarah Penerangan Jabatan Penerangan Pulau Pinang, Sabri Said berkata, sehingga kini, pihaknya telah mengedarkan kira-kira 5,000 bendera kepada wakil-wakil komuniti, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta wakil-wakil jabatan.

"Sepanjang tempoh 16 Julai hingga 30 Ogos 2020, kami bakal mengadakan 100 program *'Info On Wheels'* di peringkat negeri Pulau Pinang yang mana satu daerah akan menganjurkan 20 program sepanjang tempoh ini," ujarnya.

Pada program tersebut, sebanyak 40 agensi kerajaan terdiri daripada agensi negeri dan Persekutuan menerima bendera Jalur Gemilang daripada Kon Yeow sebelum beliau menyempurnakan sesi pelepasan konvoi *'Info On Wheels'* Merdeka yang disertai oleh 11 agensi berkaitan.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# 13 keluarga dapat bekalan air bersih

**SAAD MD ISA**, 66, dan isteri, Noridah Hashim antara 13 keluarga terpilih di Kampung 20 dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penaga yang menikmati kemudahan bekalan air terawat dan bersih daripada insentif Kerajaan Negeri.

Saad dan Noridah, masing-masing menzahirkan rasa gembira apabila Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sendiri bertandang ke rumah baharu mereka yang masih dalam proses pembinaan.

"Sudah empat bulan rumah kami dapat bekalan air bersih, hari ini (9 Julai 2020), sangat gembira apabila Ketua Menteri sendiri datang tengok rumah kami," jelas Saad dalam nada gembira.

Bercakap kepada pemberita sebelum itu, Kon Yeow memberitahu bahawa jelajah desa sejak awal pagi pada hari berkaitan adalah untuk mendapatkan maklum balas golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) berhubung tadbir urus Kerajaan Negeri hari ini.

Selain itu, beliau menyatakan bahawa jelajah tersebut juga adalah untuk meninjau projek pemasangan meter paip air di bawah Skim Pinjaman Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

"PABPP akan memberi pinjaman tanpa faedah sebanyak RM1,500 dan pemohon hanya perlu membayar balik kepada PBAPP sebanyak RM30 melalui setiap kitaran bil bulanan - dua bulan sekali.

"Mengikut perkiraan, pemohon memerlukan tempoh maksimum selama lapan tahun untuk menyelesaikan pinjaman tersebut (kerana) skim ini dikhususkan kepada pemohon dengan pendapatan isi rumah kurang daripada RM1,000 sebulan.

"Saya dimaklumkan bahawa daripada 13 keluarga ini, tujuh buah rumah sudah pun mendapat bekalan air, manakala, enam rumah lagi masih dalam proses mendapatkan bekalan air bersih.

"Oleh itu, sukacita diumumkan bahawa Kerajaan Negeri akan menanggung kos perbelanjaan ini yang keseluruhannya bernilai RM19,500," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi kepada pemberita Buletin Mutiara di sini pada 9 Julai 2020.

Manakala, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata bahawa secara perundangan, tanpa persetujuan tuan tanah, agensi perkhidmatan bekalan air negeri tidak boleh memasang paip air ke premis mana-mana pihak termasuk golongan terpilih, seperti keluarga Saad.

Justeru, menurut beliau, Kerajaan Negeri disyor meneliti halangan-halangan perundangan ini demi memastikan bekalan air bersih serta berkualiti dapat diakses oleh semua penduduk negeri termasuk di kawasan luar bandar.

"Paip air PBAPP yang ingin dipasang ini kadang-kadang kena melalui tanah pihak tertentu, jadi mesti kena dapat kebenaran terlebih dahulu.

"Kalau boleh, kita kena kenal pasti kaedah pelaksanaan menangani isu ini, kerana bekalan air adalah hak asasi manusia," ulasnya.

Dalam pada itu, Pegawai Penyelaras Khas bagi Parlimen Kepala Batas, Lay Hock Peng memberitahu bahawa sejak tahun 2018, melalui tinjauan yang telah dibuat, mendapati bahawa seramai 51 keluarga dalam KADUN Bertam dan Penaga berjaya dibantu dengan skim bantuan sama, membabitkan peruntukan kira-kira RM76,500.

Turut hadir, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan (PETACH), Yeoh Soon Hin; Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Selepas itu, jelajah Kon Yeow turut melawat ladang nira asli milik ‘Pak Man Nira’ atau nama sebenarnya Othman Md. Isa, 60, di Kampung Tepi Laut Pasir Gebu, Penaga.



**SAAD Md Isa dan Noridah Hashim menikmati kemudahan bekalan air rawat dan bersih daripada insentif Kerajaan Negeri dekat kediaman mereka di sini.**

## Kerja pembaikan cerun Jalan Tun Sardon siap

**GEORGE TOWN –** Kerja-kerja pembaikan cerun-cerun berisiko tinggi di sepanjang Jalan Tun Sardon yang menghubungkan kawasan Relau ke Balik Pulau, siap sepenuhnya pada 9 Mac 2020 iaitu 16 hari lebih awal daripada jadual asal.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan banjir, Zairil Khir Johari berkata bahawa kerja-kerja pembaikan tersebut adalah termasuk mengukuhkan cerun menggunakan teknik *‘soil nailing’*.

“Kaedah atau teknik pembaikan yang digunakan adalah secara *‘soil nailing with guniting’* yang mana ia boleh mencegah kejadian tanah runtuh dengan memasukkan besi tetulang keluli ke dalam tanah dan kawasan-kawasan sekitarnya.

“Projek pembaikan cerun tersebut merupakan salah satu projek yang mencerminkan keprihatinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang berjiwa rakyat serta peka terhadap keperluan infrastruktur rakyat negeri Pulau Pinang dan penduduk di sekitar kawasan Balik Pulau.

“(Dan) kita (Kerajaan Negeri) akan terus komited dalam memastikan kemaslahatan rakyat termasuk memberi perhatian khusus terhadap projek-projek kritikal,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Selain cerun di Jalan Tun Sardon, Zairil turut memaklumkan terdapat tiga lagi kerja-kerja pembaikan cerun yang masih dijalankan iaitu di KM 1.2 Jalan Jeep; Jalan Bukit Gambir dan di P12, Daerah Barat Daya.



**KEADAAN cerun yang telah dibaiki dan distabilkan di Jalan Tun Sardon.**

## Kebersihan, RM1 juta bagi kegunaan Masjid Negeri dan daerah

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyumbangkan RM1 juta kepada Masjid Negeri dan semua masjid daerah di negeri ini dalam memastikan aspek kebersihan sentiasa terjaga ekoran penularan wabak COVID-19.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata bahawa selain aspek kebersihan, sumbangan tersebut juga boleh digunakan untuk mengimarahkan lagi institusi agama bagi umat Islam itu.

“Bantuan ini adalah untuk penganjuran pelbagai aktiviti dan program yang akan dijalankan oleh Masjid Negeri dan masjid-masjid daerah di Pulau Pinang tertakluk kepada arahan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

“Pihak masjid boleh menggunakan peruntukan ini bagi menyediakan alatan serta kelengkapan pembersihan masjid bagi mencegah penularan COVID-19 seperti penutup muka, sabun, pensanitasi tangan dan lain-lain,” jelasnya semasa menyampaikan sumbangan tersebut di sini baru-baru ini.

Hadir sama, mantan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Zulkifli Long dan wakil-wakil dari Masjid Negeri dan masjid-masjid daerah.




**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (lima dari kanan) menyampaikan cek replika kepada Zulkifli Long (empat dari kiri) sebagai simbolik majlis penyampaian sumbangan RM1 juta kepada Masjid Negeri serta semua masjid daerah di negeri ini dalam memastikan aspek kebersihan sentiasa terjaga ekoran penularan wabak COVID-19 baru-baru ini.**

# Sasar 20,000 transaksi tanpa tunai di pasar awam menjelang Disember

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**PANTAI JEREJAK -** Kerajaan Negeri menyasarkan untuk mencapai sekurang-kurangnya 20,000 transaksi jual beli di pasar awam menggunakan kaedah tanpa tunai e-pembayaran menjelang Disember 2020.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa ekoran kejayaan projek perintis berkenaan di Pasar Awam Taman Tun Sardon, Kerajaan Negeri telah menjemput 17 institusi perbankan serta pengeluar wang elektronik bukan bank untuk memigrasikan e-pembayaran di semua pasar awam seluruh Pulau Pinang.

Menurut beliau, 17 institusi tersebut adalah *Maybank, CIMB Bank, Public Bank, Hong Leong Bank, Ambank, Touch n Go Digital, Grab, Boost, Shopee, Razer, WavPay, MCash, KiplePay, GoBiz, iPay88, GHL, Fave* dan *Paynet*.

"Selain sasaran 20,000 transaksi pembayaran, kita (Kerajaan Negeri) juga menyasarkan 90 peratus jumlah keseluruhan 56 pasar awam dan 70 peratus daripada keseluruhan 5,000 peniaga akan menerima pakai penggunaan kaedah e-pembayaran ini.

"Program ini dilaksanakan bertujuan memperluaskan aktiviti ekonomi peniaga melalui platform berteknologi tinggi serta pembayaran tanpa tunai bagi mengurangkan jurang digital dalam kalangan rakyat Pulau Pinang.

"Justeru, bagi menggalakkan pembayaran tanpa tunai, institusi perbankan serta pengeluar wang elektronik bukan bank juga telah mengambil inisiatif menawarkan pelbagai insentif kepada para peniaga antaranya pengurangan kadar caj *Merchant Discount Rate* (MDR), pemberian ganjaran untuk peniaga e-pembayaran, pengecualian yuran pendaftaran, bayaran sewa, deposit, pemasangan dan yuran penyelenggaraan tahunan untuk terminal POS untuk tempoh tertentu dan pelbagai lagi.

"Kita (Kerajaan Negeri) mengucapkan penghargaan kepada penglibatan pihak-pihak berkenaan, dan tidak lupa kepada Bank Negara Malaysia (BNM), WCIT 2020 Sdn. Bhd. dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) di atas kerjasama dalam menjayakan inisiatif tanpa tunai di pasar awam seluruh Pulau Pinang," ujarnya pada Majlis Pelancaran Inisiatif Tanpa Tunai dekat Pasar Awam Bayan Baru di sini 18 Julai lalu.

Hadir sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Dato' Abdul Halim Hussain (Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Usahawan); Dr. Amar Pritpal Abdullah (Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, DUN); Dato' Ar. Yew Tung Seang (Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP) dan Dato' Sr. Rozali Mohamud (Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai, MBSP).

Serentak itu, 17 agensi penyedia perkhidmatan kewangan berkaitan dan 14 persatuan-persatuan penjaja pasar awam turut menerima sijil pengiktirafan.

Dalam memastikan pelaksanaan inisiatif tanpa tunai di pasar awam berkenaan berjaya, Kon Yeow memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri memperuntukkan hampir RM1 juta bagi melantik 250 promoter dan 32 *digital coach* bagi tujuan berkenaan.

Tambah beliau, promoter dan *digital coach* dilantik bakal membantu peniaga, pelanggan serta komuniti agar lebih memahami tatacara penggunaan e-pembayaran dan mendedahkan mereka kepada dunia digital.

"Seramai 250 promoter yang dilantik akan ditempatkan di pasar-pasar awam bagi membantu para peniaga dan orang awam menggunakan aplikasi e-pembayaran ini.

"Promoter-promoter ini akan dibayar RM500 sebulan untuk tempoh enam bulan... pada masa sama, ia juga dapat membantu golongan terkesan yang hilang pekerjaan daripada impak COVID-19 untuk bekerja sementara.

"Manakala, 32 *digital coach* akan dilantik dengan gaji bulanan RM1,000 (tempoh setahun), dan mereka ini akan bekerja untuk memberikan pendedahan kepada komuniti agar lebih memahami tentang dunia digital pembayaran tanpa tunai," ulasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Terdahulu, Jagdeep dalam ucapannya memberitahu bahawa sejak inisiatif tanpa tunai dimulakan pada April lalu, penggunaan e-pembayaran di pasar awam adalah amat memberangsangkan dengan lebih 2,500 transaksi jual beli bernilai lebih daripada 55,000 telah dibuat pengguna.

"Sukacita saya umumkan kadar migrasi peniaga pada ketika ini telah mencapai 42 peratus daripada keseluruhan 2,341 peniaga di 13 pasar awam bermula Jun lalu.

"Tiga pasar awam paling aktif dalam migrasi e-pembayaran ini ialah pertama Pasar Awam Air Itam sebanyak 68.1 peratus, Pasar Awam Bandar Tasek Mutiara (64.9 peratus) dan Pasar Awam Bayan Baru (63.2 peratus)," jelasnya.

# MBPP bersihkan unit kediaman terbiar

**KEBUN BUNGA –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bertindak membersihkan lima unit kediaman terbiar yang mencetus kacau ganggu di Rumah Pangsa Padang Tembak dekat sini.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa tindakan pembersihan tersebut diambil selepas pemilik unit kediaman terbiar berkenaan gagal mematuhi notis yang dikeluarkan oleh MBPP.

"Sejak Jun 2020 lagi, Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri telah mengenal pasti 37 unit kediaman dikategorikan sebagai terbiar di sini yang mana kesemuanya adalah milik persendirian.

"Pada 3 Jun 2020, Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri juga bertindak memulakan proses bagi mendapatkan nasihat daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri untuk mengenal pasti tindakan perundangan yang boleh diambil iaitu *writ of vacant possession* (writ milikan kosong).

"Walau bagaimanapun, 16 daripada 37 unit terbiar ini mempunyai pelbagai isu kacau ganggu termasuk menjadi sarang burung merpati (5 unit), mempunyai pokok tumpang (1), sampah (2), pintu bermasalah (4) dan banyak barangan yang ditinggalkan (4) di dalam unit tersebut.

"Selaras dengan Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976…kacau ganggu ini hendaklah dihapuskan serta-merta dan ia terletak di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Setelah tiga hari tamat tempoh Notis Menghendaki Kacau Ganggu Dihapuskan Serta-Merta (yang keluarkan oleh MBPP), berdasarkan pemeriksaan di kesemua 16 unit mendapati kacau ganggu masih belum dihapuskan dan pemilik gagal mematuhi peruntukan notis yang dikeluarkan.

"Maka, MBPP di bawah peruntukan Seksyen 83, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 mengeluarkan notis 24 jam bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan serta penghapusan kacau ganggu kepada 16 pemilik unit terbiar dan hanya satu (pemilik) unit sahaja telah patuh.

"Unit-unit lain yang gagal mematuhi notis, MBPP melalui proses perundangan sedia ada akan menjalankan kerja-kerja pembersihan dan penghapusan kacau ganggu yang mana kos bil pembersihan akan diserahkan kepada pemilik unit," jelasnya pada sidang media yang diadakan di Dewan MPKK Padang Tembak dekat sini 20 Julai lalu.

Turut sama, Setiausaha Bandaraya MBPP, Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Jason Ong Khan Lee; Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Perumahan) Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, 'Ainul Fadhilah Samsudi serta beberapa wakil jabatan berkaitan dan Polis Diraja Malaysia.

Mengulas lanjut, Jagdeep memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri amat mementingkan soal keselamatan serta kesihatan awam di negeri ini.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan terus prihatin dengan kebajikan penduduk di semua skim perumahan di Pulau Pinang.

"(Dan) paling penting adalah keselamatan, kesihatan serta keselesaan warga Pulau Pinang…kita tidak akan berkompromi dan akan meneruskan usaha ini sampai bila-bila," katanya.

Menjawab soalan pemberita berhubung tindakan sekiranya pemilik masih ingkar arahan notis, Jagdeep memberitahu bahawa pemilik ingkar tersebut boleh dikenakan denda sebanyak RM250 sehari selepas tamat tempoh notis.

Selain itu, PBT juga berhak memasuki premis tersebut bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan dan segala kos atau bil pembersihan akan diserahkan kepada pemilik.

Dalam perkembangan lain, Jagdeep berkata bahawa Rumah Pangsa Padang Tembak merupakan antara skim perumahan yang disenarai pendek bagi melaksanakan pembaharuan semula bandar *(urban regeneration)*.

"Visi jangka panjang Kerajaan Negeri terhadap skim perumahan lama dan tidak kondusif didiami adalah pembaharuan semula yang mana Jawatankuasa Pembaharuan Semula Bandar telah diwujudkan sejak 2015.

"Selain menjimatkan kos penyelenggaraan, pembaharuan semula bandar juga menepati ciri-ciri kediaman semasa dari segi kemudahan dan keluasan unit, walau bagaimanapun dalam aspek perundangan ia memerlukan persetujuan semua pemilik unit," ulasnya.

Difahamkan, terdapat 3,130 unit milikan individu di Rumah Pangsa Padang Tembak di atas tapak berkeluasan 16.7 ekar. Skim perumahan yang turut disenaraikan dalam inisiatif pembaharuan semula bandar adalah Taman Free School; Flat Mahsuri; Taman Siakap dan Mak Mandin Lama.

# Persatuan nelayan Pasar Bisik terima sumbangan pelitup muka

Gambar: **CHAN KOK KUAN**



**KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyampaikan pelitup muka kepada para nelayan sekitar Pasar Bisik, Kuala Muda di sini baru-baru ini.**

**PENAGA -** Kira-kira 9,000 keping pelitup muka sumbangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang diedarkan kepada tiga persatuan nelayan serta penduduk setempat di sekitar Pasar Bisik, Kuala Muda dekat sini.

Sumbangan tersebut disampaikan sendiri oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika beliau hadir melawat operasi nelayan di pasar berkenaan dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Selain menyampaikan sumbangan, Kon Yeow turut menyantuni para nelayan dan menyaksikan sendiri kaedah penjualan hasil laut oleh nelayan di pasar berkenaan.

Turut serta, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunam Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin: Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan (PETACH), Yeoh Soon Hin; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar merangkap Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng; Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Difahamkan, Pasar Bisik kini kembali beroperasi seperti biasa dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) selepas diarahkan tutup selama tujuh hari oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) pada 1 Jun lalu.

Pegawai Kesihatan Persekitaran Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan JKNPP, Mohd. Wazir Khalid sebelum ini dilaporkan berkata bahawa penutupan itu diambil berikutan kegagalan pematuhan SOP walaupun sudah berkali-kali memberi teguran dan amaran sejak PKP dilaksanakan.

# Virtual Recording dan Studio Penyiaran PDL-P2 mudahkan pembelajaran dalam talian

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**GEORGE TOWN -** Penang Digital Library Fasa 2 (PDL-P2) kini dilengkapi dengan Virtual Recording dan Studio Penyiaran bagi memudahkan lagi sistem pembelajaran pihak-pihak berkaitan.

Kemudahan tersebut disediakan oleh pihak Intel Microelectronic Sdn. Bhd. dan eLearningminds Group Sdn. Bhd. sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada Kerajaan Negeri.

Sebagai tambahan, kelengkapan tersebut turut dilengkapi dengan Smart Interative TV, CPU, kamera dan kelengkapan lain yang dianggarkan bernilai kira-kira RM42,195.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa kemudahan tersebut akan digunakan oleh para guru di negeri ini bagi proses pembelajaran secara dalam talian.

"Penyediaan Virtual Recording dan Studio Penyiaran merupakan lanjutan daripada Program



BILIK Virtual Recording dan Studio Penyiaran yang disediakan di PDL-P2 kini.

Komputer E-pembelajaran yang mana ia membolehkan para guru mengendalikan e-pembelajaran dengan lebih menarik serta sesuai.

"Sebagai tambahan, ia turut memberi pilihan kepada para guru sama ada memilih untuk mengajar dalam bentuk video, lembaran kerja, animasi dan sebagainya kerana latar belakang boleh bertukar mengikut kesesuaian pembelajaran melalui skrin hijau.

"Di samping itu, kelengkapan ini juga bakal membantu para guru menyampaikan pembelajaran digital secara dua hala serta memastikan kesinambungan pembelajaran," katanya semasa berucap merasmikan kemudahan tersebut dekat PDL-P2 di sini 18 Julai lalu.

Hadir sama, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng; Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Dato' Azhar Arshad dan Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri (CMI), S. Bharathi.

Penolong Pengarah Sektor Sumber Teknologi Pendidikan JPNPP, Muhamad Radzi Nanyan; Pengurus Besar Unit Perbankan Perniagaan, Intel Microelectronics Sdn. Bhd., Ngoo Seong Boon serta Pengarah Elearningminds Group Sdn. Bhd., Kelvin Loh Lih Fu turut hadir.

Kon Yeow dalam pada itu turut menjelaskan bahawa Virtual Recording dan Studio Penyiaran dijalankan mengguna pakai Bilik Virtual Reality (VR) kalis bunyi dekat PDL P-2 yang telah diubah suai melalui peruntukan RM20,000 oleh CMI.

"Bilik berkonsepkan studio rakaman dan kalis bunyi ini akan dikendalikan sepenuhnya oleh kakitangan PDL yang mendapat latihan pengendalian daripada pihak Intel Microelectronic Sdn. Bhd. dan eLearningminds Group Sdn. Bhd..

"Tiada bayaran sewaan bilik dikenakan sekiranya ia melibatkan guru sekolah dan institusi pendidikan awam manakala pihak swasta pula akan diberikan pengecualian sebanyak 50 peratus mengikut kadar sewaan sedia ada.

"Justeru, terima kasih kepada kedua-dua syarikat terlibat kerana telah membangunkan kemudahan ini secara CSR serta memberikan khidmat nasihat serta latihan kepada kakitangan PDL," ulasnya.

Mengulas lanjut, Pengarah Urusan SNS Network (M) Sdn. Bhd., Ko Yun Hung yang turut hadir menyifatkan inisiatif mewujudkan perpustakaan digital berkaitan sebagai satu pencapaian yang hebat untuk Kerajaan Negeri.

Sebagai rekod, Pulau Pinang menjadi negeri pertama dalam negara yang membangunkan perpustakaan digital bermula dengan PDL fasa 1 dan fasa 2 sebelum diperluas ke kawasan Batu Maung (Batu Maung Digital Library) dan Seberang Perai (Butterworth Digital Library).

# Pelepasan nyamuk Aedes ber-*Wolbachia*, harap kurang kes denggi

**BATU MAUNG -** Pelepasan nyamuk *Aedes ber-Wolbachia* di tiga lokaliti kepadatan penduduk tinggi di Pulau Pinang diharap dapat menyumbang kepada penurunan kes denggi di negeri ini.s

Tiga kawasan berkenaan iaitu Flat Inderawasih di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Flat Taman Manggis (Daerah Timur Laut, DTL) dan Flat Bukit Gedung (Daerah Barat Daya, DBD) merupakan antara tiga daripada lapan lokaliti ditetapkan pada peringkat kebangsaan bagi melaksanakan projek rintis fasa kedua berkenaan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada majlis pelancarannya berkata bahawa operasi pelepasan telur nyamuk *Aedes ber-Wolbachia* di ketiga-tiga lokaliti berkenaan telah dimulakan sejak 19 November tahun lalu.

"Sebanyak kira-kira 433,500 telur nyamuk *Aedes Aegypti* yang disuntik bakteria *Wolbachia* telah dibekalkan oleh pihak Institut Penyelidikan Perubatan dan ia telah dilepaskan di tiga lokaliti berkenaan.

"Sasaran pelepasan nyamuk ini adalah supaya nyamuk Aedes dewasa yang mempunyai *Wolbachia* mencapai frekuensi melebihi 80 peratus dan sekaligus menggantikan populasi nyamuk liar pembawa penyakit.

"Dan, hasilnya penularan denggi akan dapat dibendung memandangkan nyamuk *Aedes ber-Wolbachia* ini tidak lagi berupaya memindahkan virus denggi kepada manusia," ujarnya pada Majlis Pelancaran Projek Nyamuk *Aedes Ber-Wolbachia* Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2020 di Flat Bukit Gedung dekat sini 23 Februari lalu.

Difahamkan, Fasa Pertama Projek Pelepasan Nyamuk *Aedes ber-Wolbachia* oleh Kementerian Kesihatan (KKM) pada bulan Julai lalu mencatatkan penurunan kes denggi di antara 60 hingga 80 peratus.

Hadir sama, mantan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Dato' Abdul Halim Hussain (Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Batu Maung); Teh Lai Heng (Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri merangkap ADUN Komtar); A. Kumaresan (ADUN Batu Uban) dan Dr. Asmayani Khalib (Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang).

Melalui analisa risiko yang dijalankan oleh *Australian Commonwealth Scientific and Industrial Research Organization* (CSIRO) pada tahun 2011 mendapati bahawa, inisiatif menggunakan nyamuk *Aedes ber-Wolbachia* berkaitan adalah selamat dan tidak memberikan sebarang risiko kepada manusia mahupun alam sekitar.

Dalam pada itu, Afif memberitahu bahawa nyamuk yang disuntik dengan *Wolbachia* merupakan satu pendekatan inovasi dalam menangani peningkatan kes demam denggi.

"Bakteria Wolbachia disuntik ke dalam telur nyamuk *Aedes Aegypti* melalui kaedah *'Micro-Injection'* yang akan merencatkan perkembangan virus denggi, Zika dan Chikungunya dalam badan nyamuk yang dijangkiti.

"*Wolbachia* adalah bakteria yang hidup dalam sel serangga dan diwarisi oleh generasi yang seterusnya melalui telur.

"Bakteria ini lazimnnya ditemui pada 60 peratus jenis serangga tetapi tidak dijumpai secara semulajadi pada nyamuk *Aedes Aegypti*," jelas beliau.

Justeru, Afif yang juga ADUN Seberang Jaya menyeru penduduk setempat, wakil komuniti, jabatan dan agensi berkaitan serta Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) agar dapat memberikan kerjasama, komitmen dan sokongan bagi menjamin kelangsungan dan kejayaan program berkenaan.

"Jangan pula selepas ini, ada pihak-pihak yang menjalankan semburan kabus *(fogging)* di kawasan yang telah dilepaskan nyamuk *Aedes ber-Wolbachia* ini... jika ini berlaku, nyamuk-nyamuk ini pun akan mati bersama-sama bukan saja nyamuk Aedes pembawa penyakit.

"Zon linkungan semburan kabus mesti sejauh 200 meter daripada kawasan projek pelepasan nyamuk *Aedes ber-Wolbachia*," serunya lanjut.

# Pasca COVID-19, pemilik premis swasta diharap turut beri pengecualian sewa

**BATU UBAN –** Purata 50 peratus penyewa premis perniagaan di negeri ini menikmati pengecualian bayaran sewa sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac lalu.

Justeru, Exco Perdagangan Dalam Negeri & Antarabangsa, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain menyeru agar lebih ramai pemilik premis swasta memberikan pengecualian bayaran sewa kepada peniaga-peniaga yang terjejas akibat penularan COVID-19.

"Bagi peringkat negeri, saya difahamkan purata 50 peratus penyewa yang terjejas menikmati kadar pengecualian ini.

"Malah, melalui kaji selidik awal yang dilakukan juga mendapati bahawa ada peniaga yang memperoleh diskaun 30 hingga 70 peratus, tidak kurang juga yang dapat 100 peratus pengecualian bayaran sewa dan mereka cuma perlu membayar yuran penyelenggaraan sahaja," ujarnya ketika melakukan lawatan ke Kompleks Bukit Jambul di sini pada 1 Julai lalu.

Hadir sama, Pengerusi JMB Kompleks Bukit Jambul, K.H Chan, pengurusan tertinggi Badan Pengurusan Bersama (JMB) Kompleks Bukit Jambul dan wakil-wakil penyewa serta pemilik premis di kompleks tersebut.

Dalam pada itu, Abdul Halim turut memuji tindakan pihak JMB Kompleks Bukit Jambul yang memberikan pengecualian sewa kepada kira-kira 400 peniaga di kompleks berkenaan.

Selain itu, beliau juga amat berpuas hati terhadap persediaan kompleks terbabit beroperasi dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

"Dalam merancakkan kembali ekonomi, Kerajaan Negeri baru-baru ini turut meluluskan pakej kesinambungan perniagaan kepada 1,631 peniaga melibatkan RM30 juta.

"Dengan pematuhan SOP, pengunjung akan rasa selamat, barulah mereka akan berkunjung ke sini dan ekonomi negeri akan kembali aktif," ulasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Dalam pada itu, K.H Chan menyatakan bahawa pengecualian sewa yang diberikan peniaga oleh pihak pengurusannya adalah melibatkan implikasi kewangan kira-kira RM1 juta.

# Pulau Jerejak gamit *'Instagrammer'*



**LOKASI serta latar belakang menarik untuk *'Instagrammer'*.**





**PEMANDANGAN memukau di salah satu sudut Jerejak Island Resort dan Jerejak Pantai Ku.**

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Sektor pelancongan domestik dijangka kembali rancak selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula 10 Jun 2020 sehingga 31 Ogos 2020.

Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan Pulau Pinang (PETACH), Yeoh Soon Hin percaya bahawa dengan pelaksanaan PKPP, sektor pelancongan domestik kembali menyumbang semula kepada ekonomi negara.

"Di Pulau Pinang, meskipun mempunyai banyak destinasi pelancongan yang menarik dan sering dikunjungi, Kerajaan Negeri melalui PETACH akan meneruskan pelbagai usaha untuk menonjolkan keunikan setiap destinasi pelancongan di negeri ini.

"Salah satu daripadanya yang kurang mendapat perhatian adalah Pulau Jerejak, keunikannya pasti mampu menggamit kehadiran pengunjung dan adalah wajib dikunjungi," ujarnya sejurus mengadakan lawatan ke Jerejak Island Resort dan Jerejak Pantai Ku, iaitu lokasi riadah untuk seisi keluarga di sini pada 4 Julai lalu.

Selain menjadi tumpuan *'Instagrammer'*, Son Hin memaklumkan bahawa Pulau Jerejak juga disenaraikan antara lokasi *'Insta-Worthy'* kerana keunikan ekopelancongan serta pemandangannya.



**YEOH Soon Hin.**

"Pulau Jerejak kaya dengan tinggalan sejarah dan warisan di samping mempunyai pemandangan yang memukau dan menarik.

"Kerajaan Negeri berharap pulau ini mampu menggamit lebih ramai pengunjung untuk melancong di Pulau Pinang," katanya.

Dalam lawatan tersebut, Soon Hin turut memuji sistem transaksi tanpa tunai yang diguna pakai di Pulau Jerejak.

"Difahamkan bahawa pihak pengurusan di sini mengambil inisiatif menggunakan sistem transaksi tanpa tunai sejajar dengan era digitalisasi dalam menjadikan Pulau Jerejak sebagai destinasi pelancongan pintar.

"Malah, Kerajaan Negeri juga menggalakkan semua pemain sektor pelancongan di negeri ini untuk mengambil inisiatif mengguna pakai teknologi digital dalam aspek pengurusan," sarannya.

Dalam pada itu, salah seorang rakan kongsi pihak pengurusan Jerejak Pantai Ku, Teh Kok Liang memberitahu bahawa kehadiran pengunjung ke Pulau Jerejak semakin bertambah terutama ketika hujung minggu atau cuti umum.

"Dianggarkan 1,000 pengunjung hadir setiap hari ke pulau ini, pada hari Sabtu dan Ahad serta cuti umum.

"Pihak kami mengalu-alukan kehadiran semua untuk merasai pengalaman berada di sini," serunya.

Jika berkunjung ke Pulau Jerejak, jangan lepaskan peluang bergambar dengan latar belakang menarik dan unik seperti di 'Jeti Pelangi', *'Stairs Away to Heaven'*, 'Buaian Lombok' dan taman cahaya berwarna-warni.

Bagi penggemar aktiviti lasak, Pulau Jerejak turut menawarkan aktiviti jelajah di sekitar pulau yang cukup terkenal dengan tinggalan sejarah termasuk penjara dan hospital lama.

# Dasar Keluarga Selamat lindungi mangsa keganasan rumah tangga

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang mewujudkan Dasar Keluarga Selamat sebagai usaha membantu dan memberi perlindungan kepada mangsa-mangsa keganasan rumah tangga di negeri ini.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng berkata bahawa dasar itu dibuat selepas mengambil kira peningkatan kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Walaupun kes keganasan rumah tangga dilaporkan meningkat tetapi masih ramai mangsa tidak tampil membuat laporan kerana takutkan ancaman dan tidak ada tempat berlindung.

"Oleh itu, melalui dasar ini, Kerajaan Negeri akan membangunkan satu sistem sokongan yang lebih luas serta sistematik kepada mangsa keganasan rumah tangga di negeri ini.

"Malah, kita (Kerajaan Negeri) juga akan menyediakan lebih banyak kaunter sokongan di agensi-agensi kerajaan bagi memudahkan mangsa terlibat mendapatkan bantuan," katanya pada sidang media di sini pada 16 Julai lalu.

Hadir sama, Presiden Sneham Malaysia, Datuk Dr. Florance Sinniah; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng; Presiden Women Centre for Change (WCC), Susan Siew Pui Fun serta Pengarah Eksekutif WCC, Loh Cheng Kooi.

Mengulas lanjut, Chong Eng menjelaskan bahawa pelaksanaan dasar berkaitan hanya melibatkan kos kira-kira RM60,000 setahun bagi membangunkan kapasiti bengkel dan latihan pegawai serta penerbitan buku rujukan *'First Support Point'*.

"Kami akan membentuk *'First Support Point'* di seluruh agensi Kerajaan Negeri, pusat khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), pertubuhan agama, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta lain-lain.

"Serentak itu, pihak-pihak berkaitan juga diminta untuk menawarkan premis mereka sebagai tempat tinggal sementara yang selamat kepada mangsa keganasan rumah tangga sehingga pihak berkuasa tampil menghulurkan bantuan.

"Oleh itu, saya juga menyeru Kerajaan Persekutuan agar menyediakan perkhidmatan yang serupa bagi membantu mangsa-mangsa berkaitan," ujarnya.

Dalam pada itu, Chong Eng turut menzahirkan ucapan penghargaan kepada WCC dan Sneham Malaysia atas sokongan serta komitmen yang diberikan bagi menjayakan dasar tersebut.

"Kedua-dua NGO ini amat aktif menyokong usaha melindungi mangsa keganasan rumah tangga terutamanya dalam tempoh PKP," ulasnya.

Difahamkan, 353 kes keganasan rumah tangga dilaporkan di negara ini sepanjang tempoh PKP, dan daripada jumlah itu sebanyak 33 kes adalah di Pulau Pinang.



**CHONG Eng.**

# Destinasi pelancongan, Pulau Pinang terus menjadi pilihan

**RATA-RATA** anak negeri yang ditemui berbangga dengan perkembangan industri pelancongan Pulau Pinang yang kini semakin gah terserlah bukan sahaja menjadi pilihan rakyat tempatan malahan pelancong luar.

Daya tarikan yang beraneka ragam dengan keunikan masakan, warisan semula jadi, tapak-tapak sejarah, bukit bukau dan pantai telah memberi kelebihan yang kompetitif dan menyumbang kepada kejayaan sektor industri pelancongan Pulau Pinang masa kini.

Boleh dikatakan Pulau Pinang lengkap serba-serbi dengan pelbagai fungsi pelancongan sama ada pelancongan pantai, warisan kebudayaan, ekopelancongan dan agropelancongan, sukan, pelancongan kesihatan dan juga MICE (Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran).

Berdasarkan Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2005-2020, bagi tempoh tahun 2000 hingga 2020, kadar purata pertumbuhan ketibaan pelancong ke Pulau Pinang adalah dianggarkan 2.5 peratus setahun, iaitu di antara kadar pertumbuhan nasional (6.5 peratus) dengan kadar purata pertumbuhan semasa negeri Pulau Pinang adalah 0.75 peratus.

Pelbagai usaha perlu dijalankan untuk mengukuhkan lagi kedudukan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan domestik khasnya dan pelancongan dunia amnya seperti menambah penerbangan terus dan penerbangan *chartered* atau menjalankan pemasaran ke pasaran berpotensi.



**SHARIFAH Juariah Syed Jamal Ahmad.**

Bagi **SHARIFAH JUARIAH SYED JAMAL AHMAD**, 40-an, seorang anak seni kelahiran Pulau Pinang ternyata berbangga dengan perkembangan sektor pelancongan negeri yang semakin berkembang dalam tempoh pasca COVID-19.

Berbahasa dalam loghat Penang, beliau yang lebih mesra disapa dengan panggilan 'Kak Pah' berkata bahawa penglibatannya dalam industri seni banyak memberi ruang kepada beliau melihat perubahan ketara dalam sektor pelancongan terutamanya.

"Penang hebat sekarang! sebagai anak jati Pulau Pinang semestinya kak berbangga.

"Dari bukit-bukau, pantai, seni warisan, sejarah, kampung, keunikan bangunan lama semua kita (Pulau Pinang) ada, serba-serbi tersedia.

"Sebagai anak seni yang terlibat dalam Boria Omara, kami bukan sahaja dapat mendekati para pelancong malah melihat keterujaan mereka ketika berada di Pulau Pinang, malah penglibatan kak bersama-sama juruhebah radio Mutiara.FM melalui Skuad Jom Ronda Mutiara.FM memberikan lebih banyak pendedahan tentang lokasi-lokasi menarik di Pulau Pinang.

"Sebenarnya banyak sangat tempat, lokasi menarik, produk dan makanan tempatan yang boleh diketengahkan sebagai produk pelancongan tambahan, melalui skuad ini kami jelajah tempat-tempat menarik yang belum dikenali supaya orang tempatan mahupun pelancong mengenalinya," ujarnya yang telah terlibat dengan lebih ratusan drama radio serta televisyen sejak tahun 1990-an.

Dalam keterujaannya bercerita, sempat Kak Pah kongsikan beberapa lokasi menarik kepada Buletin Mutiara, antaranya keunikan lebih 200 spesies periuk kera di Bukit Bendera, lokasi pemandangan matahari terbenam sambil menikmati semangkuk laksa Penang, keunikan usahawan tempatan menternak ayam piru dan juga udang kara yang pada hemah wartawan, **NORSHAHIDA YUSOFF**, produk-produk berkaitan adalah berpotensi untuk diketengahkan sebagai aset pelancongan pada masa hadapan.

Bagaimanapun, ke arah merancakkan sektor pelancongan negeri ini, isu keselamatan adalah wajar dititikberatkan, justeru menurut Kak Pah, Kerajaan Negeri perlu menambah bilangan polis pelancong di sekitar kawasan pelancongan dalam usaha mewujudkan rasa lebih selamat dalam kalangan pengunjung yang datang ke negeri ini.

"Sebenarnya sektor pelancongan kita (Pulau Pinang) pun dah selamat sebenarnya, ramai pengembara atau pelancong yang datang seorang ke negeri ini sebab mereka berasa selamat meskipun berseorangan, tetapi dalam usaha mewujudkan suasana yang lebih selamat dalam pelbagai isu adalah wajar agar bilangan polis pelancong ditingkatkan," cadangnya.



**QHAISZER Abdul Ghani.**



**ANGELA Theseira.**



**NEESHA Sangara Narayanan.**

Pendapat sama turut dikongsi Pembantu Awam di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), **QHAISZER ABDUL GHANI**, 30-an, bahawa bilangan polis pelancong perlu ditambah dan pada masa sama, Kerajaan Negeri adalah disaran agar mewujudkan lebih banyak parkir kereta yang selesa serta selamat di lokasi tumpuan pelancong.

"Pulau Pinang sememangnya antara negeri di Malaysia yang menjadi destinasi pilihan pelancong ekoran ketersediaan ruang percutian yang selamat serta selesa di sini," ulasnya.

Bagi ahli perniagaan dari Melaka, **ANGELA THESEIRA**, 39, Pulau Pinang umpama rumah kedua beliau kerana tertarik dengan keindahan pantai-pantai di sini.

"Pulau Pinang adalah rumah kedua saya kerana ia sentiasa menjadikan saya berasa teruja setiap kali berkunjung ke sini bagi menikmati makanannya, seni bina bangunan yang indah serta penganjuran festival bertaraf antarabangsa.

"Malah, anak-anak saya sangat menyukai keindahan pantai di Pulau Pinang, dan boleh dikatakan ia adalah aktiviti wajib setiap kali kami ke sini pada musim cuti persekolahan.

"Terima kasih Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang memperkenalkan tawaran hotel serta tarikan pakej pelancongan menarik yang mana tawaran seumpama ini adalah amat berguna serta membantu para pengunjung dengan lebih banyak pilihan dan penjimatan," jelasnya.

Bagi seorang penulis berasal dari Kuala Lumpur dan mempunyai minat mendalam terhadap reka bentuk hotel warisan, **NEESHA SANGARA NARAYANAN**, 35, berpendapat bahawa keramahan penduduk dan kemudahan lengkap yang ditawarkan di Pulau Pinang menjadi pemikat kepada beliau untuk berkunjung ke negeri ini.

"Saya sangat gembira dapat datang semula ke Pulau Pinang setelah tiga bulan, bukan sahaja dapat mengunjungi lokasi menarik di serata negeri ini, malah pada masa sama mengisi perut dengan kepelbagaian makanan tempatan yang lazat," katanya sambil tersenyum manis.



# Skuad Harimau Kumbang diharap buru kemenangan Liga Premier

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT TAMBUN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya komited untuk menyalurkan bantuan kewangan kepada Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) sungguhpun pertubuhan tersebut 100 peratus telah diswastakan dan beroperasi sebagai kelab bola sepak (FC).

Justeru, beliau berharap Skuad Harimau Kumbang dapat memburu kemenangan dalam tujuh baki perlawanan pada musim saingan Liga Premier ini, sebelum melayakkan diri ke Liga Super pada tahun hadapan.

"Bagi pemain, kestabilan kewangan ini adalah sesuatu yang menyenangkan hati, maka, para pemain dapat memberi tumpuan beraksi di padang sahaja.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak mahu kebajikan pemain terjejas disebabkan persatuan beralih menjadi kelab (bolak sepak, FC).

"(Oleh itu,) Kerajaan Negeri terus komited sehingga akhir tahun ini, daripada segi bantuan kewangan (untuk membantu FAP)," jelasnya dalam sesi lawatan beliau ke Sesi Latihan Pasukan FAP di Stadium Negeri dekat Batu Kawan pada 25 Julai 2020.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal; Presiden Persatuan Bolasepak Pulau Pinang (FAP) merangkap Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dr. Amar Pritpal Abdullah; ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik dan Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani turut sertai acara tersebut.



KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan Skuad Harimau Kumbang merakam gambar kenangan sejurus sesi lawatan ke Sesi Latihan Pasukan FAP di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Polis Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Deputi Superintendan Lee Chong Chern dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Stadium dan Tanah Lapang Pulau Pinang, Mohamed Akbar Mustapha.

Difahamkan, sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lepas, Skuad Harimau Kumbang memenangi dua perlawanan dan seri dua perlawanan lain.

Sepanjang tempoh PKP baru-baru ini pula, sesi latihan dijalankan secara begitu terhad, tiga sesi dengan tiap-tiap sesi hanya boleh menurunkan 10 pemain sahaja.

Pada 26 Ogos ini, pasukan Liga Premier negeri akan mengharungi tujuh baki perlawanan mengikut jadual asal dikeluarkan Liga Bolasepak Malaysia (MFL).

Pasukan Liga Premier negeri dijadual menentang Kelantan di gelanggang lawan pada 26 Ogos 2020.

Sehingga kini, pasukan Liga Premier negeri di bawah bimbingan Manzoor Azwira Abdul Wahid sudah melalui sesi latihan di arena selama tiga minggu.

Bercakap dalam sidang media selepas itu, Amar Pritpal menyatakan bahawa proses menukar status FAP menjadi kelab bola sepak adalah demi memenuhi syarat Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) serta FAM.

Beliau menjelaskan bahawa ketika ini FAP telahpun melangsaikan kesemua tunggakan hutang kira-kira hampir RM12 juta.

"FAP akan dikendalikan oleh sebuah kelab dikenali sebagai *Penang Football Club*.

"FAP akan menjadi sebuah kelab (berusia) 100 tahun pada tahun hadapan (2021), kami adalah sebuah kelab *(Penang Football Club)* yang tidak ada hutang dengan sesiapa pun sekarang.

"Jadi, ramai (firma bukan kerajaan dan pihak swasta) berminat kerana kita (Penang Football Club) tidak ada hutang (tertunggak).

"Maka, kami di peringkat FAP akan menubuhkan suatu jawatankuasa khas untuk melihat apakah syarat-syarat yang kita harus kenakan kepada tawaran-tawaran yang dibuat ini (kepada pihak berwajib)," ulasnya sambil merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Kon Yeow kerana menyatakan komitmen daripada segi kewangan untuk perjalanan operasi *Penang Foodball Club* sehingga hujung tahun ini.

Selain itu, sebagaimana dihasratkan oleh Kon Yeow, Amar Pritpal berkata bahawa pihaknya turut optimis dengan aksi Skuad Harimau Kumbang untuk menghabiskan tujuh baki perlawanan dalam musim saingan Liga Premier ini.

"Kita juga amat optimis dan positif dengan pencapaian skuad Harimau Kumbang yang mana mereka sudahpun memenangi dua perlawanan, dua seri dan tinggal baki tujuh perlawanan lagi.

"Jika prestasi mereka bagus, tidak mustahil pasukan Pulau Pinang akan ke Liga Super," ujarnya.

Dalam perkembangan berasingan, Kon Yeow turut menyempurnakan acara perasmian trek balapan Stadium Negeri Pulau Pinang dekat Batu Kawan yang dijadual dibuka kepada orang ramai untuk aktiviti joging serta larian yang bersesuaian sahaja pada setiap hari mulai 1 Ogos 2020.

Pembukaan adalah dalam dua sesi, iaitu 7 pagi hingga 9 pagi dan 5 petang hingga 7 malam.

## Keluarga terpilih terima sumbangan Aidiladha

**BERTAM -** Menjelang Hari Raya Aidiladha baru-baru ini, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Penyelaras Khas kepada Ketua Menteri bagi Parlimen Kepala Batas mengagihkan hamper bantuan sumbangan termasuk 1 kilogram (kg) daging segar kepada 450 keluarga terpilih dari sekitar kawasan parlimen berkaitan termasuk Tasek Gelugor.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika berucap memberitahu bahawa Kerajaan Negeri hari ini senantiasa komited dalam mendekati semua kelompok rakyat jelata, sungguhpun telah berlaku perubahan tampuk kepemimpinan pada peringkat Kerajaan Persekutuan baru-baru ini.

Justeru, beliau berharap jentera Kerajaan Negeri dalam semua peringkat dapat terus memberi perkhidmatan ke arah mengeratkan lagi silaturahim dan perpaduan sesama rakyat majmuk di Pulau Pinang.

"Memang Saudara Lay Hook Peng (Pegawai Penyelaras Khas kepada Ketua Menteri bagi Parlimen Kepala Batas), juga pasukannya di pusat khidmat ini biasa menganjurkan program-program untuk mendampingi rakyat di kawasan sekitar.

"Ini, adalah suatu perkara yang amat baik supaya kita dapat saling menjalin persefahaman dan silaturahim di samping menangani isu-isu setempat.

"Walaupun baru-baru ini telah berlaku pertukaran Kerajaan Persekutuan, namun Kerajaan Negeri dan jentera Kerajaan Negeri dari barisan Exco sehingga MPKK (Majlis Pengurusan Komuniti Kampung) di seluruh negeri Pulau Pinang terus komited untuk bersama-sama dengan rakyat serta membawa kesejahteraan kepada rakyat jelata," jelasnya dalam acara yang berlangsung di Pejabat Pegawai Penyelaras Khas kepada Ketua Menteri Peringkat Parlimen Kepala Batas dekat sini pada 26 Julai.

Ahli Dewan Negara, Senator Lim Hui Ying dan wakil Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut sertai acara tersebut.

Sebelum itu, Hock Peng memberitahu bahawa pihaknya berharap acara agihan bantuan sumbangan pada kali ini akan mengeratkan lagi semangat harmoni dalam kalangan rakyat yang berbilang budaya.

"Penganjuran majlis ini menunjukkan kita (Pejabat Penyelaras Khas Parlimen Kepala Batas) tidak mengasingkan mana-mana bangsa.

"Tujuan penganjuran adalah supaya Kerajaan Negeri terus dilihat ambil berat rakyat jelata di kawasan luar bandar terutama di Tasek Gelugor dan Kepala Batas.

"Pada kesempatan ini juga saya ingin merakamkan penghargaan kepada lebih 50 jentera MPKK di peringkat kawasan Kepala Batas dan Tasek Gelugor kerana membantu memastikan perjalanan dua sesi majlis pemberian sumbangan ini dapat dilaksanakan secara serentak, mengikut SOP (prosedur operasi standard) Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)," ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Kon Yeow kerana terus menyokong program-program kebajikan rakyat di kawasan luar bandar.

Difahamkan, acara agihan bantuan rakyat berkenaan turut mendapat kolaborasi barisan pihak pentadbir daripada Masjid Jamek Bakar Kapor, Masjid Pantai Kamloon, Masjid Simpang 3 Tasek Gelugor, Surau Permatang Kerai Besar, Surau Nurul Huda Permatang Bertam dan Surau Ijtihad Asy-Syarif Permatang Saga.

## 5,485 kekosongan pekerjaan masih belum diisi

**GEORGE TOWN –** Sehingga 30 Jun 2020, sejumlah 5,485 kekosongan pekerjaan sedia ada dalam pelbagai bidang yang didaftarkan di Pulau Pinang masih belum diisi.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa jumlah tersebut diperoleh berdasarkan laporan daripada Pusat Jobs Malaysia (JMC) Pulau Pinang, Butterworth serta George Town.

"Daripada jumlah ini, sebanyak 550 kekosongan jawatan direkodkan oleh JMC Pulau Pinang, JMC Butterworth (2,075) manakala JMC Georgetown pula 2,860," katanya pada sidang media di sini 22 Julai lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; barisan Exco Kerajaan Negeri; Pengarah investPenang (iP) merangkap Penasihat Khas Pelaburan kepada Ketua Menteri, Dato' Seri Lee Kah Choon serta Ketua Pegawai Eksekutif investPenang, Dato' Loo Lee Lian.

Kon Yeow menambah, seramai 5,023 pekerja di negeri ini telah diberhentikan kerja dalam tempoh masa sama sebagaimana Laporan Pemberhentian Pekerja Majikan kepada Jabatan Tenaga Kerja Pulau Pinang.

"Melihat kepada angka-angka ini, kita boleh katakan bahawa peluang pekerjaan masih lagi melebihi jumlah tenaga kerja yang hilang pekerjaan di negeri ini.

"Justeru, kita akan melihat bagaimana untuk memadankan jawatan bagi dua kumpulan ini bagi memastikan mereka yang hilang kerja dapat mencari pekerjaan gantian secepat mungkin.

"Saya percaya majikan juga mahu kekosongan jawatan yang ada diisi oleh sumber manusia yang mahir dalam bidang-bidang berkaitan," ujarnya.

Difahamkan, daripada jumlah itu, sebanyak 4,836 tenaga kerja yang hilang pekerjaan adalah melibatkan pekerja tempatan manakala selebihnya adalah warga asing.

Mengulas lanjut, Ramasamy memberitahu bahawa *Penang Career Assistance and Talent Centre*, atau CAT Centre di bawah *investPenang* memainkan peranan penting dalam proses pemadanan jawatan memandangkan agensi Kerajaan Negeri itu mempunyai jaringan perhubungan yang lebih luas.

"Sebelum ini, Kerajaan Negeri mengadakan perbincangan bersama-sama 27 organisasi untuk membincangkan mengenai pekerjaan di negeri ini.

"Mereka berpendapat bahawa Kerajaan Negeri perlu menyediakan rancangan khusus bagi mengatasi masalah pekerjaan ini," jelasnya yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi & Inovasi.

# Kerjasama pintar EmpowerNCER Fasa Kedua suntik pelaburan RM525.3 juta

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN –** Enam syarikat swasta di negeri ini menyatakan komitmen untuk menyuntik pelaburan bernilai RM525.3 juta melalui jalinan kerjasama pintar dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) menerusi program modal insan EmpowerNCER Fasa Kedua yang bakal mewujudkan 1,600 peluang pekerjaan khususnya kepada golongan terkesan ekoran penularan wabak COVID-19.

Perkara berkaitan diumumkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada sidang media sejurus berlangsungnya Majlis Pelancaran empowerNCER Fasa 2 dan komitmen pelaburan oleh syarikat-syarikat pelabur di sini pada 23 Julai lalu.

Menurut beliau, suntikan tersebut dijangka mewujudkan 1,600 peluang pekerjaan pada tahun ini dan seterusnya, malah Pulau Pinang kemungkinan ada yang kehilangan pekerja akibat wabak COVID-19, tapi dalam masa sama kita mencipta pekerjaan baharu.

"Komitmen pelaburan ini adalah membabitkan enam syarikat swasta iaitu syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan iaitu PTS Industries Sdn. Bhd. dengan pelaburan sebanyak RM2 juta, Clarive Analytics Malaysia Sdn. Bhd. (RM159 juta), Iconic Penang Sdn. Bhd. (RM150 juta), Osram Opto Semiconductors Sdn. Bhd. (RM110.07 juta), UWHM Sdn. Bhd. (RM65.5 juta) dan Coraza Systems Malaysia Sdn. Bhd. (RM38.73 juta) menjadikan keseluruhan pelaburan yang telah dipermudahcarakan oleh NCIA berjumlah RM525.3 juta," ujarnya pada majlis berkaitan.



KETUA Menteri dan Jebasingam Issace John (kiri sekali) meneliti perincian program EmpowerNCER Fasa 2 dan komitmen pelaburan oleh syarikat-syarikat pelabur pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Razak Jaafar dan Ketua Eksekutif NCIA, Datuk Seri Jebasingam Issace John.

Pada majlis sama, surat lantikan turut diserahkan kepada empat Pegawai Daerah membabitkan Daerah Barat Daya (DBD), Daerah Timur Laut (DTL), Daerah Seberang Perai Utara (SPU) dan Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) untuk melaksanakan Program EmpowerNCER Fasa Dua di kawasan masing-masing.

Sebagai rekod, Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) telah menerima surat lantikan dan telah memulakan program berkenaan di kawasan berkenaan hujung tahun lalu.

Ditanya sama ada pihak Kerajaan Negeri dan NCIA telah mempertimbangkan segala kemungkinan yang bakal berlaku kepada pelaburan baharu berkenaan akibat daripada impak pandemik COVID-19, Kon Yeow dalam responsnya menyatakan bahawa beliau yakin keenam-enam syarikat berkenaan adalah komited berhubung hasrat masing-masing khususnya untuk melabur di negeri ini.

"Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Negeri Pulau Pinang sebelum berlangsungnya sidang media ini, kita ada membincangkan serta mempertimbangkan Rangka Kerja Strategik Pasca COVID-19 yang mana menurut NCIA sememangnya berlaku penurunan dalam pelaburan, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)... dan semua ini telah dipertimbangkan sewajarnya dengan jangkaan bahawa pertumbuhan akan bergerak perlahan.

"Walau bagaimanapun, dengan tindakan yang sewajarnya, ia mampu untuk pulih semula dalam tempoh jangkaan di antara 18 hingga 24 bulan akan datang, dan menjangkakan semuanya akan menjadi normal semula pada tahun 2025.

"Mungkin, jangkaan (tahun 2025) ini juga akan (jadi) lebih lewat lagi dan ia adalah bergantung kepada apakah usaha yang telah kita lakukan dalam situasi pasca COVID-19 kini," ulasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi negeri.

## CCTV, pantau pematuhan awam lawan COVID-19

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri menggunakan kamera litar tertutup (CCTV) yang dilengkapi dengan sistem analitik video bersepadu bagi memantau tempat-tempat awam di seluruh negeri dalam memastikan pematuhan terhadap Tatacara Pengendalian Piawai (SOP) semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa Kerajaan Negeri akan terus memanfaatkan penggunaan teknologi digital bagi memastikan orang ramai sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan demi keselamatan awam.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan memantau mana-mana individu atau orang ramai yang tidak mematuhi SOP di tempat awam.

"Tindakan pantas boleh diambil terhadap mereka yang gagal atau enggan mematuhi SOP yang ditetapkan walaupun setelah diberi amaran melalui corong pembesar suara," ujar Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat itu pada sidang media dekat Pusat Kawalan CCTV dekat sini 25 Jun lalu.

Mengulas mengenai jumlah CCTV, Jagdeep berkata bahawa sebanyak 1,177 unit CCTV telah dipasang di seluruh negeri.

"Sebanyak 935 unit CCTV dipasang di bahagian pulau manakala baki 242 (unit) lagi di bahagian Seberang Perai.

"Tambahan 88 unit CCTV lagi dijangka akan dipasang menjelang akhir tahun ini.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 450 unit CCTV di bahagian pulau dan 25 unit (CCTV) di bahagian Seberang Perai dilengkapi dengan sistem analitik video bersepadu.

"(Dan) kita menjangkakan untuk menaik taraf 78 unit CCTV lagi di bahagian pulau dengan perisian sistem analitik video sebagai tambahan," jelasnya.

Difahamkan, kedua-dua PBT bekerjasama erat dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan keselamatan awam sentiasa terjamin.

Dalam sidang media sama, Jagdeep turut menzahirkan penghargaan kepada rakyat Pulau Pinang dalam memastikan tahap pematuhan SOP yang tinggi sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan.

"Kedua-dua pihak berkuasa tempatan akan terus memantau premis-premis perniagaan dan tempat-tempat awam sepanjang tempoh PKPP ini dalam memastikan orang ramai mematuhi SOP.

"Orang ramai tidak seharusnya berasa terlalu selesa dengan keadaan semasa meskipun Pulau Pinang masih dikategorikan sebagai zon Hijau.

"(Hal ini kerana), perang melawan pandemik COVID-19 masih belum berakhir dan kita (Kerajaan Negeri) tidak akan berkompromi sekiranya berlaku ketidakpatuhan," tegasnya.

Tambah Jagdeep, Majlis Keselamatan Negeri telah menubuhkan tujuh jawatankuasa memerangi COVID-19 secara menyeluruh.

"Saya telah diberi amanah untuk mempengerusikan dua jawatankuasa iaitu Kumpulan Kerja Pembudayaan Kebiasaan Baharu dan Kumpulan Kerja Perundangan dan Penguatkuasaan," katanya.

## 1.3 kadar kesuburan jumlah di Pulau Pinang 'serius'

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow bersama-sama Pesuruhjaya Banci 2020, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin baru-baru ini melancarkan Program Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 Peringkat Negeri Pulau Pinang.

Kon Yeow berkata bahawa fasa pertama bancian menggunakan kaedah *e-Census (https://www.mycensus.gov.my/)* bermula pada 7 Julai hingga 30 September ini, sementara fasa kedua secara temubual bersemuka, 7 hingga 24 Oktober depan.

Justeru, beliau berharap kira-kira lebih 1.8 juta penduduk negeri termasuk buruh asing dapat mengambil bahagian dalam proses bancian yang diadakan 10 tahun sekali, pada kali ini.

"Ia (hasil bancian) akan menjadi sumber rujukan serta asas penting kepada perancangan pembangunan negeri dan negara secara keseluruhannya.

"(Data statistik yang diperoleh melalui bancian ini) bakal digunakan untuk mengubal serta melaksanakan polisi kerajaan bagi tujuan pembangunan demi kepentingan rakyat," jelasnya pada majlis berkaitan di sini pada 29 Julai 2020.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; barisan Exco Kerajaan Negeri; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Razak Jaafar dan Pengarah Perangkaan Negeri, Mohd. Suhaimi Mohd. Yunus turut sertai majlis tersebut.

Bercakap dalam sidang media selepas itu, Mohd. Uzir memberitahu bahawa kadar pertumbuhan semula jadi kasar (CRNI) di Pulau Pinang adalah 5.4; 11.7 kadar kelahiran kasar (CBR) dan 6.4 kadar kematian kasar (CDR).

Namun, menurut beliau, 1.3 kadar kesuburan jumlah (TFR) adalah berada di kedudukan paling bawah berbanding negeri-negeri lain seperti Sabah (1.4), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1.5), Sarawak (1.6) dan Selangor (1.7).

"(Kadar) 1.3 ini adalah suatu tahap serius, maksudnya anak-anak yang dilahirkan ini tidak mampu menggantikan (kedua-dua) ibu bapa.

"Akhirnya nanti, kita (di Pulau Pinang) akan menghadapi senario orang yang produktif berkerja terpaksa menanggung orang yang tidak bekerja dengan jangka hayat umur semakin panjang (antara) 72 dan 77 tahun, jadi kita (Kerajaan) mungkin menghadapi masalah tekanan (daripada segi sosial).

"Kita (Kerajaan) melihat bahawa orang tua ini sudah tidak produktif (iaitu) mereka sudah tidak menyumbang pada infrastruktur dan sebagainya, jadi nisbah tanggungan orang yang masih aktif daripada segi membayar cukai akan lebih tinggi," ujarnya.

Selain itu, Mohd. Uzir menyatakan bahawa Program Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 Peringkat Negeri Pulau Pinang akan melibatkan tiap-tiap penduduk di negeri ini.

"Bancian tidak dibuat berdasarkan persempelan, bancian dibuat terhadap semua orang untuk menyuarakan keperluan mereka...termasuk pekerja asing kerana konsep (bancian) adalah termasuk penduduk Malaysia yang duduk di Malaysia melebihi enam bulan.

"Mereka yang berminat untuk menjadi pembanci, boleh daftar (di portal *https://www.mycensus.gov.my/*)... kita (Jabatan Perangkaan Malaysia, DOSM) galakkan orang tempatan yang (dilantik) akan melaksanakan pembancian di kawasan masing-masing," ulasnya sambil memberitahu bahawa proses pelantikan pembanci lokal akan dibuat pada hujung bulan September ini melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan pejabat-pejabat Daerah.

Mengulas lanjut, Mohd. Suhaimi berkata bahawa seramai 5,881 orang pembanci dan 812 penyelia program bancian diperlukan untuk melaksanakan Program Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 Peringkat Negeri Pulau Pinang, ke atas kira-kira 1.8 juta penduduk di negeri ini.

Kali terlahir DOSM membuat bancian di seluruh negara termasuk Pulau Pinang adalah pada tahun 2010.

# Tingkatkan aktiviti ekonomi setempat di Pasar Awam Balik Pulau

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



RUPA bentuk bangunan Pasar Awam Balik Pulau.

**PULAU BETONG** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail mahu ‘menghidupkan’ lagi suasana Pasar Awam Balik Pulau dan kawasan sekitarnya dengan aktiviti ekonomi setempat.

Justeru, satu perbincangan bersama-sama beberapa pihak berkepentingan sedang giat diusahakan bagi membincangkan hal berkaitan.

Menurut Mohd. Tuah, salah satu cadangan yang masih dalam perbincangan adalah memindahkan tapak pasar malam di Simpang Empat berhampiran pasar awam terbabit ekoran beberapa aduan umum yang diterima.

“Seperti kita tahu, pasar awam hanya hidup pada waktu pagi sahaja, apabila petang, ada beberapa kedai sahaja sekitar sini yang buka, jadi kita sedang berusaha untuk hidupkan dengan aktiviti-aktiviti ekonomi setempat.



MOHD. Tuah Ismail.

“Baru-baru ini, kita juga terima aduan daripada empat komuniti sekitar Simpang Empat berhubung kesesakan lalu lintas yang teruk berlaku apabila pasar malam berlangsung.

“Aduan ini dibangkitkan oleh komuniti, bukan individu… maka untuk itu, kita juga dapatkan pandangan dari Bahagian Pelesenan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya termasuk Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) bagi pemindahan pasar malam tersebut,” ujarnya pada satu sidang media yang diadakan dekat Makerspace Balik Pulau di sini 10 Julai lalu.

Hadir sama, Ahli Parlimen Balik Pulau, Muhammad Bakhtiar Wan Chik; Ahli Majlis bagi MBPP, Tan Chiew Choon dan Pegawai Penyelaras Khas kepada Ketua Menteri bagi kawasan Balik Pulau, Gooi Seong Kin.

Mohd Tuah dalam pada itu turut menyambut baik kerja-kerja naik taraf yang sudah, sedang dan akan dilaksanakan di Pasar Awam Balik Pulau yang juga disifatkan mampu mengaktifkan kawasan tersebut.

Mengulas lanjut, Chiew Choon ketika ditemui memaklumkan bahawa sejumlah 21 projek naik taraf sudah dijalankan dan kini berbaki 16 kerja lain antaranya menurap semula tar di kawasan sekitar bakal dijalankan dalam tempoh masa terdekat.

“Selain itu, pemindahan peniaga-peniaga di jalan utama ke kawasan pasar yang lebih selesa serta selamat juga akan dibuat,” ulasnya.

Serentak itu, Muhammad Bakhtiar turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya yang meluluskan peruntukan sebanyak RM500,000 bagi menaik taraf mercu tanda bulatan Balik Pulau di kawasan pekan tersebut.

# Jambatan baharu Tanjung Berembang bukan projek 'gajah putih'



JASON H’ng Mooi Lye (kiri sekali) menunjukkan keadaan jambatan baharu Kampung Tanjung Berembang pada sesi lawatan khas di sini baru-baru ini.

**JAWI -** Projek pemajuan jambatan baharu Kampung Tanjung Berembang dengan kos RM25.8 juta yang mengalami mendapan tanah jalan kira-kira 9 inci baru-baru ini bukan 'projek gajah putih' sebagaimana digambarkan oleh sesetengah pihak, kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Jason H'ng Mooi Lye.

Bercakap kepada pemberita, beliau menyatakan bahawa kerja-kerja pembinaan struktur konkrit pada bahagian tanah mendap tersebut bakal dilaksanakan sesegera mungkin, bermula pada 15 Julai dan dijadual siap 14 September depan.

Menurut Mooi Lye, kedua-dua jalan menghala ke jambatan tersebut ditutup mulai 14 Julai lalu.

"Kita selalu dapat video yang diviralkan dalam media sosial mengatakan bahawa ia adalah projek 'gajah putih' (yang menelan belanja kira-kira) RM25.8 juta dan bazirkan duit rakyat.

"(Tuduhan) ini semua kenyataan yang tidak betul oleh pihak-pihak tertentu.

"Justeru, saya berharap penduduk sama ada di Kampung Tanjung Berembang atau di Sungai Udang yang selama ini menggunakan jambatan baharu untuk menjimatkan masa perjalanan dapat memberi kerjasama dan tidak menceroboh kawasan pembinaan ini bagi tempoh kerja-kerja pembaikan dijalankan.

"Malah, saya juga telah minta kepada pemaju berwajib supaya membuat binaan konkrit supaya tidak ada lagi mendapan tanah selepas ini," ujarnya kepada pemberita selepas meninjau kawasan mendapan jalan dekat jambatan baharu tersebut di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Projek Kanan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Ir. Ismail Ishak; Jurutera Awam bagi Jabatan Kerja Raya (JKR), Siti Shatinah Ahmad; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Heng Yeh Shiuan dan wakil perunding BHR, Osman Ayub.

Dalam pada itu, Osman memberitahu bahawa pihaknya akan memperbaiki struktur mendapan tanah itu berdasarkan peruntukan asal RM25.8 juta yang diberikan PDC untuk projek tersebut.

"Projek ini adalah terdiri daripada dua bahagian, iaitu bahagian struktur jambatan dan jalan, tanah mendap yang berlaku ini adalah di bahagian jalan, bukan jambatan seperti didakwa oleh sesetengah pihak.

Tanah di lokasi sememangnya adalah lembut, kira-kira 12 meter... justeru, kita akan bina tapak kontrit sama seperti pada (struktur) bahagian jambatan (untuk elak risiko mendapan tanah)," ulasnya.



# RM2.2 juta tangani risiko banjir sekitar Taman Bunga Raya

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SUNGAI PUYU -** Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari memberitahu bahawa pihaknya meluluskan peruntukan sebanyak RM2.2 juta untuk kerja-kerja mengurangkan lagi risiko banjir di sekitar kawasan perumahan lama dekat sekitar Taman Bunga Raya, Taman Sin Tat dan Jalan Thamby Kecil di sini.

Bercakap kepada pemberita, beliau memberitahu bahawa Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan memulakan proses tender projek pada hujung tahun ini, dan kerja-kerja pemajuan projek dijangka mengambil masa 18 bulan.

Menurut Zairil, skop kerja adalah meliputi pemajuan kolam takungan di Taman Bunga Raya; pam Taman Bunga Raya; penarafan sistem perparitan di taman sedia ada yang berusia lebih 40 tahun serta membina dua parit lencongan 1 dan 3 masing-masing dekat Tesco Bagan Ajam serta Jalan Thamby Kecil.

"Dengan pelaksanaan projek ini, kita (Kerajaan Negeri) dapat bantu banyak pihak dan mengurangkan lagi risiko banjir," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga kepada komuniti setempat di sini pada 18 Julai 2020.

ADUN Sungai Puyu, Phee Boon Poh yang juga Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar; Soon Lip Chee (Exco Belia dan Sukan merangkap ADUN Bagan Jermal); Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri, Ir. Shukri Muslim dan Penolong Jurutera MBSP, Mohd. Shukri Mohd. Arshad turut menyertai acara tersebut.

Menurut Zairil, sejak tahun 2017, kira-kira 11 kali kawasan-kawasan perumahan terbabit dilanda banjir, dengan kejadian bencana paling teruk adalah pada tahun 2017.

"Anggaran sebanyak 200 rumah telah mengalami bencana terbabit dan ketinggian paras banjir yang pernah direkodkan adalah sebanyak (kira-kira) 600 milimeter (mm) (atau dua kaki)," ujarnya.

Menjawab soalan pemimpin komuniti setempat selepas itu, Zairil menyatakan bahawa pihak Kerajaan Negeri pada tahun 2018 telah membuat kajian berwajib bagi mengatasi masalah malar segar iaitu banjir di sini.

